05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# MODUL ASAS PERMAINAN TABLA INDIA DALAM PENDIDIKAN MUZIK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**ARIPUTHIRAN NARAYANAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2011**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# MODUL ASAS PERMAINAN TABLA INDIA DALAM PENDIDIKAN MUZIK

ARIPUTHIRAN NARAYANAN

KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**PENGAKUAN**

Saya mengaku kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya saya jelaskan sumbernya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

.
23 DISEMBER 2011 ARIPUTHIRAN NARAYANAN
M20091000402



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**DECLARATION**

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

23 DECEMBER 2011

ARIPUTHIRAN NARAYANAN
M20091000402



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# PENGHARGAAN

Dengan nama Tuhan yang Maha Pengasih, segala puji-pujian untuk Tuhan semesta alam. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana mengurniakan kesihatan dan ilham yang baik sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Dengan limpah izin-Nya juga, saya telah dapat menyiapkan modul Asas Permainan Tabla dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Muzik.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Zaharul Lailidin bin Hj.Saidon yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bantuan dan bahan-bahan kepada saya dalam usaha menghasilkan modul ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pensyarah dan kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang secara langsung dan tidak langsung telah mencurahkan ilmu dan bantuan dalam tempoh pembelajaran saya di UPSI.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada En.Kalaichelvan daripada Sri Kalashetra Music Academy yang banyak membantu saya dalam menyiapkan modul ini dan rakan-rakan pemuzik Orkestra Inbatamil, Tanjong Rambutan, Perak serta semua yang terlibat dalam menyiapkan modul ini.

Akhri sekali penghargaan dan terima kasih tidak terhingga buat isteri, anak-anak, bapa dan ibu mertua saya serta semua adik ipar saya khasnya Cik Theres Santhiavoo kerana telah banyak membantu dan memberi galakan sepanjang tempoh pengajian saya di UPSI.




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## ABSTRAK

Laporan projek pembangunan 'Modul Asas Permainan Tabla' ini disediakan untuk memenuhi keperluan kursus SPM 6006 dalam Program Sarjana Pendidikan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penghasilan produk ini adalah bertujuan untuk membantu dan menyediakan pilihan bahan pengajaran kepada sekolah-sekolah yang sedang melaksanakan Kurikulum Pendidikan Muzik KBSM. Produk ini disediakan khusus untuk guru-guru muzik dan pelajar-peljar di IPGM dan IPTA yang ingin mempelbagaikan bahan pengajaran elemen ritma dan tidak hanya bergantung kepada alat-alat moden yang dibekalkan sahaja. Dalam pada itu penghasilan produk ini akan dapat menyumbang kepada pengekalan warisan budaya. Produk ini dibangunkan dengan berpandukan struktur buku Gaya Dewan. Untuk tujuan penilaian produk yang dihasilkan, temu bual telah dijalankan dengan 3 orang guru muzik yang masing-masing mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun. Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa semua responden bersependapat dan bersetuju dengan semua aspek dalam  produk yang telah dibangunkan. Namun begitu masih juga terdapat sedikit kelemahan dalam penghasilannya. Akan tetapi cadangan untuk penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan tersebut turut dibincangkan dalam bahagian akhir penulisan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ABSTRACT

The report of the development project of ‘Modul Asas Permainan Tabla’ was prepared to meet the need for SPM 6006 course in Program Sarjana Pendidikan Muzik, UPSI. The aim of product development is to help and provide instructional material choices to schools which are implementing “Kurikulum Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)”. This product is specially to cater for music teachers of “Institut Pendidikan Guuru Malaysia (IPGM)” and “Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)” students who wish to vary the instructional rhythm materials elements and do not solely depend to modern material provided. This end product will also be able to contribute the heritage retention culture. This product is developed by the guided book structure “Gaya Dewan”. For the evaluation of the products that has been produced, interviews were conducted with 3 music teachers who had more than 10 years teaching experience. The results of the interviews showed that the entire respondent agreed with all this end product conducted. There are a few weaknesses in producing it. However suggestions on how to overcome the problems have also been discussed at the end of the writing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# GLOSARI

| | |
|---|---|
| Tabla, 8 | Set alat ritma yang dimainkan dalam muzik klasikal dan pop India. |
| Dayan,22 | Alat yang dimainkan dengan tangan kanan dalam set tabla |
| Kumbha,24 | Badan dayan dan bayan. |
| Puddi,24 | Muka dayan dan bayan. |
| Gajra,24 | Kulit keras di sekeliling muka tabla. |
| Gatte,24 | Bongkah kayu untuk melaras dan menala tabla |
| Baddhi/Deewal,24 | Tali kulit yang diikat untuk menempatkan muka tabla |
| Takiye/Takiyan,24 | Alas untuk meletak tabla yang diperbuat daripada kain yang berbentuk bulat. |
| Kinar/Chanti,28 | Bahagin kulit di muka tabla di antara gajra dan maiden |
| Maiden/Luv,29 | Bahagian kulit di muka tabla di antara siyahi dan kinar |
| Bol,7 | Silabik untuk nada atau bunyi tabla dalam bahasa Hindustan |
| Taal,30 | Rentak |
| Teen Taal,22 | Rentak 16 bit |
| Dadra Taal,22 | Rentak 6 bit (menyerupai rentak ¾) |
| Keherwa Taal,22 | Rentak 8 bit |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**KANDUNGAN**


| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|
| Perakuan | ii |
| Declaration | iii |
| Penghargaan | iv |
| Abstrak | v |
| Abstract | vi |
| Glosari | vii |
| Kandungan | ix |
| Senarai Jadual | xi |
| Senarai Rajah | xii |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**BAB 1 PENDAHULUAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Projek | 2 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 4 |
| 1.4 | Tujuan Projek | 5 |
| 1.5 | Kepentingan Projek | 6 |
| 1.6 | Persoalan projek | 7 |
| 1.7 | Batasan projek | 7 |
| 1.8 | Definisi Istilah | 8 |
| | 1.7.1 Muzik | 8 |
| | 1.7.2 Irama | 8 |




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Pengajaran 9

1.7.4 Pembelajaran 9

1.7.5 Tabla 10

1.9 Rumusan 10

**BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK**

2.1 Pengenalan 11

2.2 Mendapatkan dan Mengumpulkan Maklumat ataupun Data Berkaitan Tabla 11

2.2.1 Temu Bual 12

2.2.2 Pemerhatian 13

2.2.3 Turut serta 13

2.3 Mengklasifikasikan Maklumat Ataupun Data Yang Diperolehi Mengikut Tema dan Kategori 14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kerangka Kerja Penghasilan Projek 15

2.5 Cadangan jadual kerja 16

2.6 Rumusan 17

**BAB 3 HURAIAN PRODUK**

3.1 Pengenalan 18

3.2 Bentuk dan Objektif Produk Yang Dibangunkan 18

3.3 Isi Kandungan Modul Asas Permainan Tabla 19

3.4 Rumusan 32

3.5 Rujukan 33



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## SENARAI JADUAL

Jadual 1, 16 Jadual kerja projek akhir

Jadual 2, 21 Bab-bab dalam modul asas permainan tabla dalam pendidikan muzik

Jadual 3, 31 Matra dan bhol teen taal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH


| | |
|---|---|
| Rajah 1, 15 | Model kerangka kerja menghasilkan produk |
| Rajah 2, 25 | Bahagian-bahagian dayan |
| Rajah 3, 26 | Penalaan tabla |
| Rajah 4, 27 | Postur duduk pemain tabla (gambar pelajar tabla diambil oleh penulis dengan kebenaran) |
| Rajah 5, 28 | Cara menghasilkan bhol di dayan |
| Rajah 6, 29 | Cara menghasilkan bhol di bayan |
| Rajah 7, 30 | Bhol gabungan |
| Rajah 8, 31 | Bhol dan teknik permainan teen taal |


Gambar-gambar dalam rajah-rajah di mukasurat 25,26,28,29,30 dan 31 dirakam oleh Ariputhiran Narayanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambar dalam rajah 4, mukasurat di 27 dirakam oleh Ariputhiran Narayanan dengan kebenaran pelajar tabla.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# Bab 1 Pendahuluan

## 1.1 Pengenalan dan latarbelakang masalah

Pendidikan muzik di negara kita telah dirancang dan disusun berdasarkan model program muzik Eropah yang hanya fokuskan kepada teori, harmoni dan sejarah muzik klasikal barat. Berdasarkan program tersebut pelajar-pelajar di negara kita bermain alat perkusi, alat tiupan dan alat talian barat serta menyertai kelab pancaragam, orkestra dan nyanyian koir barat dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di sekolah. Keadaan ini menyebabkan sistem muzik selain daripada muzik barat dipandang rendah dan dinggap tidak penting oleh golongan pendidik, termasuk warisan muzik mereka sendiri. Zaharul (2009,p.14) menyatakan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> amalan pendidikan muzik di Malaysia masih berorientasikan dan berkisar secara eksklusif sekitar tradisi muzik klasikal barat. Ini dapat diperhatikan di semua peringkat institusi pembelajaran muzik formal, daripada rekabentuk kurikulum sehinggalah ke pendekatan pengajaran yang digunakan di bilik darjah atau dewan kuliah.

Walaubagaimanapun, pada masa kini kesedaran tentang kepentingan warisan muzik tempatan yang kaya dengan pelbagai budaya (multicultural) telah wujud dalam kalangan pendidik. Pelbagai kajian dan projek telah dijalankan mengenai muzik etnik di tanahair kita oleh pengkaji-pengkaji seperti Patricia Matusky, Tan Sooi Beng dan Ghouse Nasaruddin. Mereka telah menghasilkan literatur yang terbanyak dalam muzik tempatan. Menurut Profesor Tan Sooi Beng,



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Increasing numbers of educators realize that there is a need to introduce their own traditional music ( including the music of minorities) as well as the music of South East Asia and other part of the world to the young through the music curriculum. (Tan, 2008,p.249)

Usaha ini patut disanjungi dan dipuji oleh pendidik-pendidik muzik di Negara kita kerana usaha tersebut telah meningkatkan muzik etnik berbilang kaum di tanahair kita di persada dunia.

**1.2 Latarbelakang projek**

Menurut objektif Sukatan Pelajaran Bersepadu Sekolah Menengah, pelajar dapat "berkebolehan bermain muzik instrumental secara solo dan dalam ensembel muzik konvensional dan tradisional dengan mengamalkan teknik yang betul" (2003 :iii). Objektif tersebut sejajar dengan usaha untuk memelihara warisan muzik tradisional tanahair kita. Terdapat banyak buku dan video untuk mengajar muzik-muzik tempatan. Banyak bahan rujukan ensembel tradisional kompang, gamelan dan caklempong telah dibangunkan dalam bentuk buku panduan, audio dan video. Selain daripada ensembel muzik tradisional tempatan, tiada buku panduan, audio ataupun video bagaimana cara untuk belajar dan mengajar ensembel muzik tradisional lain, khususnya ensembel muzik tradisional India. Dimana, kaum India merupakan salah satu kaum utama dalam masyarakat Malaysia yang kaya dalam nilai seni, muzik dan budaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat kekosongan besar atau dalam erti kata lain tiada bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran ensembel muzik tradisional lain di Malaysia, khasnya ensembel muzik Cina dan India. Kekosongan ini tidak seharusnya berlaku dalam pendidikan muzik tradisional lain di Malaysia. Malah muzik tradisional lain, khususnya muzik Cina dan India menerima nasib yang sama seperti muzik tradisional Melayu yang hanya menjadi bahan kajian, penyelidikan dan persembahan untuk tujuan akademik sahaja. Seperti kata Johan Othman:

> While ethnic music, especially of the Malays [Makyong for example] is mostly confined within the academia [for study, research and practical performance] and function within the tourism industry as a showcase product, Chinese and Indian sacred and secular music are performed at various rituals and temple rite. (Johan Othman, 2002, p.84)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh kerana itu dirasakan projek yang berkaitan dengan bagaimana belajar bermain tabla, iaitu salah sebuah alat perkusi dalam ensembel muzik tradisional India yang dimainkan dalam ensembel muzik tradisional Melayu iaitu ghazal, sangat releven dibangunkan untuk meningkat dan memperkayakan lagi warisan muzik tempatan kita.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.3 Pernyataan masalah

Kurikulum muzik Kementerian Pelajaran Malaysia Tahun 2003, menggalakkan sekolah memilih ensembel pilihan seperti gamelan, caklempong dan sebagainya,

> "2.3 Pengalaman Ensembel Muzik Tradisional, 2.3.1 Ensembel Muzik Tradisional, pelbagai jenis lagu dan irama dalam emsembel berikut: Emsembel Muzik Tradisional lain di Malaysia (7) Pilihan sekolah seperti Ensembel Caklempong, Ensembel Gong Sabah/Sarawak, Orkestra Cina, Ensembel India dan ensembel muzik tempatan yang tiada kaitan dengan pemujaan" (Pusat Perkembangan Kurikulum 2003,p.7)

Objektif Kurikulum Pendidikan Muzik yang tersebut telah memberi peluang kepada anak-anak kita mengenali dan bergiat aktif dalam permainan alat-alat muzik tradisional lain selain daripada alat muzik konvensional iaitu muzik Barat. Namun demikian, guru-guru muzik di sekolah tidak cukup dengan bahan-bahan rujukan dan kurang berpengetahuan dan kemahiran dalam mengajar alat-alat muzik tradisional India selain daripada gamelan, caklempong dan kompang. (Zaharul, 2009,p.18) menyatakan:

> penonjolan tradisi muzik pelbagai kaum merupakan sesuatu yang digalakkan sebagai manifestasi prinsip bersatu dalam kepelbagaian (unity in diversity) yang didokong oleh kerajaan. Oleh itu, kurikulum pendidikan muzik di institusi pendidikan formal perlu turut menjelmakan dan mempraktikkan prinsip yang sama.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, projek yang dicadangkan dapat memenuhi manifestasi kerajaan dan membantu mengisi kekosongan dalam bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran alat-alat ensembel muzik India di tanahair kita.

## 1.4 Tujuan Projek

Tujuan projek yang dicadangkan ini adalah untuk menghasilkan sebuah modul asas permainan tabla. Ini kerana sehingga kini tiada modul asas permainan tabla yang dihasilkan untuk memenuhi keperluan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bagi muzik ensembel India dalam Pendidikan Muzik di Malaysia. Secara khususnya, objektif projek ini adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Menyediakan sebuah modul panduan untuk mempelajari elemen irama melalui permainan Tabla untuk guru-guru muzik yang boleh diakses secara pembelajaran kendiri.

ii. Menyediakan sebuah modul panduan bermain Tabla yang boleh digunapakai oleh guru-guru muzik sebagai bahan bantu mengajar (BBM)

iii. Meninjau respon guru-guru muzik terhadap modul panduan bermain Tabla yang akan dibangunkan.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.5 Kepentingan projek

Hasil projek Modul Panduan Bermain Tabla ini diharap akan dapat :

i. Membantu guru-guru muzik, pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan pelajar-pelajar sekolah menengah belajar bermain tabla dan juga dapat digunakan sebagai sumber rujukan pengajaran dan pembelajaran.

ii. Membantu dan menjadi pilihan bahan pengajaran kepada sekolah-sekolah yang sedang melaksanakan Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

iii. Membolehkan guru-guru muzik mempelbagaikan bahan pengajaran untuk mengajar elemen irama dan tidak hanya bergantung kepada alat-alat moden yang dibekalkan sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Menyumbang kepada pengekalan warisan budaya. Dimana, guru-guru dan pelajar-pelajar akan memartabatkan permainan muzik tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.6 Persoalan projek

Tabla ialah sejenis alat perkusi dalam ensembel muzik tradisional India yang dimainkan untuk mengiringi nyanyian atau muzik instrumental. Malah, ia juga telah mengambil tempat yang penting dalam muzik tradisional Melayu. Hakikat ini dapat disokong oleh " Tabla dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh pedagang-pedagang India. Hari ini Tabla digunakan dalam ensembel Ghazal yang popular di Johor." (Mastor, 2007, p.122).

Oleh yang demikian, projek ini diharap akan dapat menjawab persoalan kajian seperti berikut:

i. Apakah respon guru-guru muzik, pelajar-pelajar IPTA, pelajar-pelajar IPGM dan pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap latihan dan aktiviti bermain Tabla?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.7 Batasan projek

Projek ini adalah untuk menghasilkan sebuah modul panduan bermain tabla. Modul panduan ini akan mengandungi organologi dan bahagian-bahagian tabla serta cara dan teknik yang betul untuk mendapatkan bunyi *bol* tabla. Seterusnya, menyediakan beberapa pola rentak tabla yang sesuai untuk irama tempatan. Projek akan dibina melalui adunan visual dan teks dengan menggunakan perisian *Adobe Photoshop CS4*, *Microsoft Word* dan lain-lain lagi.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.8 Definisi Operasi

**Muzik**

Dalam konteks projek ini, muzik membawa maksud bunyi *bol* yang dihasilkan melalui pukulan, paluan atau permainan tabla. Aktiviti muzik yang akan diaplikasikan dalam 'Modul Panduan Bermain Tabla' bertujuan untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam memainkan sesuatu pola rentak.

Pengertian muzik dalam konteks tradisional ialah bunyi-bunyi yang berterusan yang dihasilkan dengan perlakuan tiupan, gesekan, pukulan dan paluan yang dihasilkan oleh alat-alat tertentu. Apabila bunyi-bunyi tersebut disusun dengan indah, maka lahirlah muzik. Menurut Mastor Hj Jarkaseh , "muzik adalah bunyi-bunyi yang disusun secara logik supaya menjadi karya yang indah didengar." (Mastor, 2007, p.1)

Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Irama**

Irama adalah salah satu elemen asas dalam muzik. Ianya terhasil daripada susunan dan ulangan bunyi. Dalam elemen irama terdapat faktor-faktor tempo masa (duration), tekanan detik dan tempo. Gabungan not-not dan tanda rehat yang tersusun akan menghasilkan pola irama atau corak irama yang tertentu.

Dalam konteks projek ini, pelbagai pola rentak yang sesuai untuk irama tempatan akan dimuatkan dalam Modul Asas Permainan Tabla.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Pengajaran**

Dalam konteks projek ini, pengajaran membawa maksud aktiviti atau proses yang diaplikasikan dalam pembangunan Modul Panduan Bermain Tabla yang bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pemahaman bermain tabla.

> "Proses pengajaran melibatkan aktiviti-aktiviti seperti penghuraian, penggunaan alat bantu mengajar dan bersoal jawab. Secara umumnya proses pengajaran dalam pendidikan melibatkan tiga komponen penting iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian." (Mok, 1993)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Pembelajaran**

Dalam konteks projek ini, pembelajaran berlaku apabila guru-guru dan pelajar-pelajar mendapat pengalaman dan pengetahuan dengan menggunakan Modul Panduan Bermain Tabla.

Pembelajaran ialah suatu proses yang kompleks. Pembelajaran adalah hasil usaha setiap individu untuk mencapai keperluan-keperluannya sama ada keperluan jasmani atau keperluan psikologi. Ia mungkin memberi kesan atau perubahan pada bentuk umum perlakuannya. Dengan lain perkataan, pembelajaran merupakan pembinaan pengalaman-pengalaman baru. (Musa bin Daia, 1992, p. 32-33)



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Tabla**

Dalam konteks projek ini, Tabla dimaksudkan ialah sejenis alat perkusi dalam ensembel muzik tradisional India yang dimainkan solo atau untuk mengiringi nyanyian dan muzik instrumental. "The north Indian counterpart of the mridangam is the Tabla, a pair of single headed drums played by one performer. The right-hand drum is generally tuned to the tonic note, and the left-hand drum functions as a bass drum. These drums, which are played with the hands and fingers, can produce a wide variety of pitches and tone colors. The Tabla is vital to north Indian concerts and is used for solos as well as accompaniments." (Kamien, 2002, p.397)

## 1.9 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, bab pengenalan ini menghuraikan latar belakang projek, penyataan masalah, tujuan projek, kepentingan projek, batasan projek dan definisi operasi projek. Penghasilan projek ini akan dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ensembel muzik tradisional India. Khususnya pelajar-pelajar dan guru-guru dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam permainan tabla. Diharapkan modul panduan bermain Tabla ini dapat dijadikan panduan kepada pendidik muzik yang ingin mengaplikasikan ensembel muzik tradisional India di sekolah masing-masing.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi